

Syor beri Mahathir gelaran 'Bapa' ^(?) Pembangu- nan IM 20 MAY 1985 Moden

TELUK INTAN 19 Mei
Menteri Besar Perak,
Dato' Sri Ramli Ngah Talib
hari ini mencadangkan su-
paya Perdana Menteri, Da-
tuk Sri Dr. Mahathir Moha-
mad diberikan gelaran ra-
smi "Bapa Pembangunan
Moden" kerana usaha -
usaha gigih beliau memim-
pin negara hingga ke tahap
yang membanggakan.

Katanya, Datuk Sri Dr.
Mahathir sentiasa memi-
kirkan masalah rakyat
melebihi segala - galanya
sebelum membuat sesuatu
pertimbangan pembangu-
nan negara.

Beliau tanpa jemu - jemu
terus menjadi pendorong ke-
pada rakyat untuk bekerja
kuat bagi membina sebuah
negara yang bermaruah dan
berjaya, tambah Dato' Sri
Ramli.

Beliau berucap di majlis
perasmian mesyuarat per-
wakilan UMNO bahagian
Pasir Salak, dahulunya
dikenali sebagai Hilir Perak,
di sini yang dirasmikan oleh
Ketua Penerangan UMNO,
Senator Haji Hussein. Ah-
mad. - Bernama.